

PENJANA KPT-CAP harapan baharu graduan

Program jamin pekerjaan selepas tamat kursus ditetapkan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Bangi: Kalangan bakal graduan yang sebelum ini mungkin berdebar untuk memasuki alam pekerjaan dalam tempoh ketidak-tentuan ekonomi dewasa ini, kini boleh menarik nafas lega kerana sinar di hujung terowong sudah kelihatan untuk mereka membina kerjaya dalam bidang pekerjaan.

Di sebalik khabar ratusan ribu graduan yang bakal memasuki sektor pekerjaan dikatakan bakal berhadapan masa depan suram kerana peluang kerja terhad apabila aktiviti ekonomi menyederhana susulan penularan COVID-19, bantuan untuk mereka tiba menerusi inisiatif dilaksanakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

KPT melancarkan Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi-Career Advancement Programme (PENJANA KPT-CAP), yang mana graduan yang menyertai program ini mendapat jaminan untuk masuk ke alam pekerjaan sebaik tamat pengajian.

Majlis pelancaran KPT-CAP Isnin lalu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

PENJANA KPT-CAP menjadi platform untuk bakal graduan meningkatkan kemahiran dan menunjukkan kesungguhan dan komitmen mereka sebelum diserap masuk ke dalam sektor berkenaan.

Syarul Amin Ismail, 21, menyifatkan program diperkenalkan KPT itu membuktikan komitmen kerajaan dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Pelajar Sarjana Muda Sains Citra Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berkata, PENJANA KPT-CAP membantu memudahkan bakal graduan membangunkan kerjaya yang diimpikan.

"Terima kasih atas keprihatinan Perdana Menteri. Terima kasih KPT dan terima kasih kerajaan. Bakal graduan kini boleh menarik nafas lega kerana peluang pekerjaan sudah terhidang sebaik menamatkan pengajian kelak," katanya kepada BH.

Pelajar Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM, Aisyah Umaira Isammudin, 22, berkata pelancaran PENJANA KPT-CAP mampu

KitaPrihatin
Kebangkitan Melalui Tawarusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

menangani masalah pengangguran dalam kalangan graduan.

"Diharapkan program yang diperkenalkan kerajaan ini berupaya membantu graduan mendapat pekerjaan sekali gus menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Pelajar Politeknik Metro Kuala Lumpur, Ihsan Mazlan, 19, pula berharap lebih banyak program seumpama dapat diperkenalkan untuk membantu graduan mendapat pekerjaan.

"Apa yang dilakukan kerajaan, menterjemahkan usaha untuk membantu memberi pendedahan kepada graduan supaya dapat bersama menjayakan agenda nasional. Terima kasih kerajaan kerana membantu kami sebagai golongan graduan," katanya.

Sementara itu, pelajar Politeknik Shah Alam, Danusha Thirumorthy, 19, berkata program yang diperkenalkan KPT itu mendorong pelajar menjadi lebih bertanggungjawab.

"Menerusi program ini, bakal graduan perlu membuktikan kebolehan mereka supaya dapat me-

rebut peluang, sekali gus menjamin pekerjaan ditawarkan pihak industri.

"Sudah semestinya peluang ditawarkan ini tidak boleh disia-siakan begitu sahaja. Komitmen diberikan kerajaan, harus dibalas dengan usaha berterusan oleh graduan," katanya.

Untuk menyertai PENJANA KPT-CAP, graduan boleh memohon melalui portal Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT) yang disediakan KPT.

Berucap pada majlis pelancaran itu, Muhyiddin berkata, PENJANA KPT-CAP yang julung kali diperkenalkan ini unik kerana graduan dipastikan akan memperoleh pekerjaan selepas menamatkan kursus ditetapkan.

Kursus berkenaan direka mengikut kehendak dan keperluan ditetapkan syarikat yang bakal mengambil graduan terabit sebagai pekerja mereka.

Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran bukan saja untuk menangani graduan menganggur, malah memastikan golo-

ngan yang hilang pekerjaan dalam tempoh pandemik COVID-19 mengekalkan atau meningkatkan kemahiran mereka supaya memanfaatkan peluang ketika ekonomi beransur pulih.

Antara contoh kursus ditawarkan ialah Smart Trucker. Kandungan pengajaran dalam kursus ini direka berdasarkan kemahiran diperlukan syarikat logistik yang mengeluarkan *Letter of Commitment* (LOC) kepada KPT. Justeru, habis sahaja tempoh kursus, graduan ditawarkan bekerja dengan syarikat logistik berkenaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad ketika berucap pada majlis pelancaran, berkata, pihaknya menyasarkan 20,000 graduan mendapat manfaat daripada PENJANA KPT-CAP yang dibahagikan tiga bidang utama iaitu 'Job Matching and Placement', program keusahawanan dan ekonomi gig.

Latihan dalam bidang ekonomi gig bertujuan membantu peserta untuk menjana pendapatan melalui aktiviti berbentuk *freelancing*.

Hingga kini, katanya, 140 program sudah disusun membabitkan sinergi dengan tidak kurang daripada 100 syarikat.



Bakal graduan kini boleh menarik nafas lega kerana peluang pekerjaan sudah terhidang sebaik menamatkan pengajian kelak.

Syarul Amin Ismail,
Pelajar Sarjana Muda
Sains Citra UKM



Diharapkan program yang diperkenalkan kerajaan ini berupaya membantu graduan mendapat pekerjaan.

Aisyah Umaira Isammudin,
Pelajar Fakulti Ekonomi
dan Pengurusan UKM



Komitmen yang diberikan kerajaan ini, harus dibalas dengan usaha berterusan oleh graduan.

Danusha Thirumorthy,
Pelajar Politeknik Shah Alam

PENJANA KPT-CAP

» Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP) adalah program peningkatan kemahiran di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)

» Membabitkan peruntukan berjumlah **RM100 juta**

» Disasar memanfaatkan **20,000** graduan

» Meningkatkan kebolehpasaran graduan

» Mengurangkan pengangguran akibat COVID-19

» Meningkatkan kemahiran mereka yang hilang pekerjaan dalam tempoh COVID-19

OBJEKTIF

» Meningkatkan kebolehpasaran graduan

» Mengurangkan pengangguran akibat COVID-19

» Meningkatkan kemahiran mereka yang hilang pekerjaan dalam tempoh COVID-19

Tiga program utama digerakkan KPT

» Padanan kerja dan penempatan

» Program berterusan keusahawanan

» Berciri ekonomi gig

Mereka yang layak memohon

» Warga Malaysia

» Graduan institusi pengajian tinggi

» Graduan 2019 dan 2020 yang belum bekerja

» Graduan peringkat Sarjana Muda/Diploma/Sijil (Politeknik dan Kolej Komuniti sahaja)

» Belum ditawarkan sebarang program di bawah PENJANA

Cara memohon:

» Melalui portal GREaT (great.mohe.gov.my)

Graphics